

Headline	Jangan terpedaya kuota khas		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Black/white
Date	23 Sep 2013	Circulation	324,097
Section	Setempat	Readership	1,981,000
Page No	14	ArticleSize	118 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 2,433
Journalist	N/A	PR Value	RM 7,298
Frequency	Daily		



# Jangan terpedaya kuota khas

**Kota Tinggi:** Orang ramai dinasihatkan bersabar dan jangan mudah terpedaya dengan tawaran mengerjakan haji melalui kuota khas dijanjikan pihak tidak bertanggungjawab bagi mengelak ditipu.

Pengerusi Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, peringatan itu diberikan berikutan banyak laporan diterima daripada orang awam membabitkan penipuan paket mengerjakan haji di laman sosial termasuk Facebook.

"Tabung Haji satu-satunya badan diiktiraf kerajaan Arab Saudi menguruskan jemaah haji ke Makkah dari Malaysia.

"Walaupun ada ejen dilantik dan menawarkan paket tertentu, jemaah perlu tahu setiap urusan membabitkan pendaftaran dan sebagainya harus mendapat pengesahan Tabung Haji.

"Kita tidak mahu dalam keghairahan mengerjakan haji, ada pihak menjadikan mereka sasaran untuk meraih keuntungan," katanya ketika ditemui selepas menziarahi keluarga jemaah haji pertama Malaysia yang meninggal dunia di Makkah, Al-lahyarham Daud Kamsani di Felda Bukit Easter, di sini, semalam.

Abdul Azeez berkata, bakal jemaah boleh merujuk kesahihan tawaran diperoleh mereka di pejabat Tabung Haji di setiap daerah.

"Lebih baik merujuk tawaran diperoleh dengan Tabung Haji yang diamanahkan menguruskan jemaah.

"Sekurang-kurangnya dengan cara itu ia dapat mengelak penipuan dan kerugian," katanya.

Kunjungan disertai pegawai dan kakitangan negeri itu dilakukan bagi memberi sokongan moral kepada keluarga Allahyarham.

**“Tabung Haji  
satu-satunya  
badan diiktiraf  
kerajaan Arab Saudi  
menguruskan  
jemaah haji  
ke Makkah  
dari Malaysia”**

**Abdul Azeez Abdul Rahim**